

# Keterangan Saksi Kanak-kanak di Mahkamah


Oleh YASMIN NORHAZLEENA BAHARI MD. NOOR

**M**ENURUT Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, dalam dialog bersama pertubuhan wanita bagi membanteras jenayah seksual pada Mei 2004, statistik 2002 menunjukkan bahawa 50 hingga 60 peratus kes rogol melibatkan kanak-kanak perempuan berumur di bawah 16 tahun. Perangkaan ini amatlah membimbangkan.

Dada akhbar sering memaparkan berita kanak-kanak berusia empat, lima, ataupun enam tahun menjadi sasaran penjenayah. Mengapakah mereka yang menjadi sasaran? Logikinya, mereka "sasaran selamat" penjenayah kerana perkembangan bahasa mereka belum mantap; jadi mereka tidak dapat memberitahu orang lain apa-apa yang terjadi kepada mereka. Mereka juga mudah diugut, dimomok-momokkan serta disogok oleh penjenayah supaya berdiam diri.

Selain itu disebabkan usia kanak-kanak yang masih mentah, kanak-kanak tidak dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah, yang orang patut dan tidak patut buat terhadap mereka. Contohnya pada tahun lepas, terdapat berita seorang kanak-kanak perempuan berumur lapan tahun, bertanya kepada ibunya apabila pulang dari sekolah, adakah perkara biasa sekiranya guru lelakinya memasukkan jarinya di dalam kemaluannya!

Menurut Seksyen 2(1) Akta Kanak-kanak, kanak-kanak ditakrifkan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksaan. Menurut Seksyen



Kanak-kanak sering menjadi sasaran penjenayah.

82 Kanun Keseksaan, apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur "kurang" daripada 10 tahun, bukanlah suatu kesalahan. Dalam erti kata yang lain, kanak-kanak yang berumur "lebih" daripada 10 tahun, telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah.

Dalam usaha membuktikan kesalahan tertuduh, saksi haruslah memberi keterangan di mahkamah. Pihak pendakwa pula dibebankan untuk membuktikan kesalahan tertuduh tanpa keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Memberi keterangan di mahkamah adalah pengalaman yang mencemaskan bagi orang dewasa apatah lagi kanak-kanak.

Menurut kajian Andrews dan Hirst dalam "Criminal Evidence" (Keterangan Jenayah), walaupun tertuduh jelas bersalah melakukan jenayah terhadap kanak-kanak, mereka terlepas begitu sahaja. Antara sebabnya ialah mahkamah tidak membenarkan mangsa memberi keterangan langsung disebabkan mahkamah berpendapat kanak-kanak tersebut gagal memahami peri pentingnya bercakap benar di mahkamah.

Selain itu, meskipun mahkamah membenarkan mangsa memberi keterangan, mereka gagal memberi keterangan yang mantap dan konkrit kerana berasa takut, gementar, dan dilanda

trauma kerana terpaksa berhadapan dengan tertuduh, peguam bela, hakim, pendakwa, pegawai mahkamah, pihak media, dan semua yang hadir di mahkamah terbuka.

Persoalannya, patutkah kita membiarkan penjenayah kanak-kanak lepas sewenang-wenangnya kerana saksi utama iaitu mangsa tidak dapat memberi keterangan yang mantap dan kukuh di mahkamah terbuka?

Pada Februari 2001, kerajaan tekad memperkenalkan "Kepolisian Mesra Kanak-kanak" (*Child Friendly Policing*) di Malaysia. Sejarah dengan inisiatif tersebut, menurut Inspektor Marina Hashim dalam artikelnya di laman web Polis Diraja Malaysia (PDRM), enam Jawatankuasa Pemandu Projek Keterangan Kanak-kanak di Mahkamah (JPPKKM) telah dibentuk. PDRM dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Jawatankuasa Teknikal Rakaman Keterangan Melalui Video.

Keterangan mangsa dirakamkan oleh pegawai-pegawai Unit Perlindungan Kanak-kanak. Rakaman keterangan mangsa dapat dikemukakan sebagai bukti di mahkamah tanpa perlu mangsa memberi keterangan lisan sebagaimana sekarang. Rakaman tersebut sekali gus menjadikan "bukti langsung" (*direct evidence*) yang dapat dikemukakan dan mengelakkan pesalah terlepas daripada hukuman jenayah semata-mata disebabkan ketakutan mangsa memberi keterangan di mahkamah.

Menurutnya lagi, rakaman tersebut juga dapat membantu mengingatkan mangsa atau saksi terhadap fakta kejadian dan mengatasi masalah terlupa yang mungkin dialami mangsa, selain perasaan takut. Masalah ini, menurut Inspektor Marina kerap terjadi kerana percakapan mahkamah terhadap sesuatu kes mungkin mengambil masa selama beberapa bulan dari tarikh kejadian dan menyebabkan banyak fakta hilang, sedangkan perkara itu penting sebagai bukti.

Tambahnya lagi, setakat bulan Disember 2003, sejumlah 112 rakaman telah dibuat ke atas kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual serta penderaan. Rakaman pertama keterangan saksi kes jenayah dilakukan pada 6

Februari 2003.

Setiap sesi rakaman memerlukan kehadiran serta pengendalian dua pegawai terlatih iaitu Pegawai Perakam dan Pegawai Teknikal. Pegawai Perakam bertugas untuk menemu bual mangsa atau saksi yang terlibat manakala Pegawai Teknikal pula berperanan untuk mengendalikan peralatan supaya rakaman berjalan lancar.

Pada 31 Mei 2004, buat kali pertama, rakaman video keterangan mangsa yang didera oleh bapanya sendiri ditayangkan di mahkamah sebagai bukti pendakwaan. Bukan sahaja pihak polis melaksanakan dasar mesra kanak-kanak, mahkamah di Malaysia juga turut sama mengorak langkah. Kerjasama kedua-dua pihak amat perlu untuk "mensabitkan" tertuduh lantas membela mangsa yang tidak berdosa.

Bagi memperkasa dasar "badan keadilan yang mesra kanak-kanak",

awal di United Kingdom untuk membela mangsa kanak-kanak. Tindakan ini juga tidak menggoyahkan beban pembuktian pihak pendakwa iaitu membuktikan kesalahan tertuduh tanpa keraguan yang munasabah.

Pada awal Jun 2004, Mohd Yusof Rahmat atau "Ayah Su" telah disabitkan kesalahan merogol kanak-kanak perempuan berusia lima tahun. Suatu yang menarik dalam kes ini ialah mangsa tidak perlu bersemuka dengan tertuduh dalam mengenal pasti tertuduh. Mangsa mengenal pasti tertuduh melalui sidang video yang ditayangkan secara langsung di mahkamah terbuka.

Undang-undang tidak wujud dalam vakum tanpa mengambil kira keperluan masyarakat. Perundangan yang tidak membela golongan lemah seperti kanak-kanak ialah undang-undang yang

---

### **Undang-undang tidak wujud dalam vakum tanpa mengambil kira keperluan masyarakat. Perundangan yang tidak membela golongan lemah seperti kanak-kanak ialah undang-undang yang pincang.**

---

Parlimen juga telah menggubal Rang Undang-undang Saksi Kanak-kanak 2004 yang mempertimbangkan rakaman video keterangan mangsa dera sebagai bahan bukti yang konkrit. Mangsa hanya perlu memberi keterangan sekali sahaja dan bukti tersebut akan dirujuk kepada badan yang terlibat iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital, pegawai pendakwa raya, pihak polis, serta mahkamah. Dengan itu masalah saksi menghadapi trauma memberi keterangan di mahkamah terbuka serta masalah saksi disoal berulang kali oleh pelbagai pihak dapat dihapuskan.

Fenomena saksi kanak-kanak memberi keterangan melalui rakaman video bukanlah suatu perkara yang ganjil, tidak munasabah, dan tidak adil kepada tertuduh. Usaha ini dilaksanakan lebih

pincang. Sekiranya kita menyorot sejarah perundangan Islam, hikmah dan inovasi diperlukan untuk menegakkan keadilan. Sayidina Ali misalnya hakim pertama yang mengasingkan saksi perbicaraan untuk mengelakkan tohmah dan keterangan palsu. Beliau juga mengasingkan beberapa tertuduh dalam satu kes pembunuhan dan mendengar keterangan secara berasingan daripada setiap suspek. Maka peluang tertuduh untuk berkonspirasi memberi keterangan palsu dapat dielakkan.

Keprihatinan kerajaan terhadap mangsa kanak-kanak serta dasar terbarunya merupakan langkah positif yang mendukung paradigma sistem keadilan saksama iaitu "keadilan bukan hanya dilaksanakan tetapi haruslah nampak jelas (oleh masyarakat) telah dilaksanakan". ■